9. Arissa ingin membuat pengiraan harga bagi suatu barang selepas diskaun. Bagi menyelesaikan masalah ini, Arissa mengambil kira aspek-aspek penting berkaitan pengiraan diskaun. Apakah teknik pemikiran komputasional yang digunakan oleh Arissa?
   A Leraian
   B Pengecaman corak
   C Pengitlakan
   D Peniskalaan

10. Apakah kelebihan penggunaan teknik-teknik pemikiran komputasional dalam pembangunan atur cara?
   I Menyelesaikan masalah secara sistematik
   II Menghasilkan atur cara dengan cekap
   III Menghasilkan atur cara yang menepati kehendak pengguna
   A I sahaja
   B I dan II
   C II dan III
   D I, II dan III

Soalan Berstruktur

1. Kod arahan berikut ialah atur cara bagi mencari jumlah dan purata untuk dua nombor.

```
# Atur cara untuk mencari jumlah dan purata bagi dua nombor
# Minta pengguna masukkan input
nombor1 = float(input("Masukkan nombor pertama: "))
nombor2 = float(input("Masukkan nombor kedua: "))
jumlah = nombor1 - nombor2
purata = jumlah/2

print("\nJumlah bagi dua nombor ialah", jumlah)
print("Purata bagi dua nombor ialah", jumlah)
```

   Berdasarkan kod arahan di atas, jawab soalan-soalan yang berikut:
   (a) Nyatakan semua pemboleh ubah bagi input.
   (b) Kenal pasti pernyataan-pernyataan yang mengandungi ralat.
   (c) Baiki ralat yang anda kesan di (b), kemudian tulis sintaks yang betul.

2. Aimah diminta menulis kod arahan Python bagi atur cara yang melakukan operasi tambah, tolak, darab dan bahagi bagi dua nombor. Penulisan kod mesti mengikut kehendak yang dinyatakan berikut:
   (a) (i) Meminta input daripada pengguna
       (ii) Formula yang digunakan
       (iii) Output yang akan dihasilkan
   (b) Lakarkan paparan output yang akan diperoleh.

Soalan Penyelesaian Masalah

Anda dikehendaki menyelesaikan masalah untuk mengira luas dan lilitan sebuah bulatan. Anda perlu:
(a) Membuat pelaporan penggunaan teknik pemikiran komputasional bagi fasa pembangunan atur cara:
   (i) Analisis masalah
   (ii) Reka bentuk atur cara
   (iii) Pengekodan
   (iv) Pengujian dan penyahpepijatan
   (v) Dokumentasi
(b) Membina atur cara mudah

STEM

E-PRAKTIS
geo.gl/218DPP

Ads
LIVEWORKSHEETS